

Perkembangan Ringkas Konsep Kendiri

Azizi Yahaya


Pada kurun pertengahan didapat ahli teologi telah menghuraikan sendiri sebagai alam sadar dari segi roh, semangat sebagai sesuatu yang kekal dan berkuasa kepada badannya. Pada awalnya fikiran dan roh dan sendiri digunakan secara bertukar ganti tanpa kajian yang menyeluruh dan secara empirikal. Kajian secara saintifik bermula dengan kemunculan Sigmund Freud(Purkey,1970) yang menulis tentang sendiri sebagai satu konsep fungsian dan perkembangan ego. Konsep ego ini kemudiannya dilanjutkan oleh anaknya Anna sebagai satu terapi. Pengikut ahli psikologi freud yang mementingkan motivasi di bawah alam sadar.

Kemudian pengkaji tingkahlaku, watson telah menarik perhatian tentang tindak balas dan rangsangan yang boleh diperhatikan iaitu sikap dan tingkahlaku dan kelakuan dan dalaman diri seseorang yang di luar skop psikologi

George H. Mead menulis tentang falsafah masyarakat dan menerangkan tentang hubungannya dengan alam sekitar. Beliau mendakwa bahawa sahsiah dipengaruhi oleh faktor biologi ditentukan juga oleh faktor sosial- psikologikal iaitu pergaulannya dengan masyarakat dan alam sekitar. Lewin melihat sendiri sebagai organisasi memusat dan kekal yang membentuk sahsiah. Goidstein menganalisa proses sendiri sebenar(self actualization) yang berbeza dengan organisma yang sakit yang sentiasa risau akan penjagaan kesihatannya. Kemudian Maslow telah menyambung usaha ini menerangkan sendiri sebenar. Prescott lecky menyumbangkan konsistensi sendiri sebagai pendorong tingkahlaku. Betocci mengutamakan dua aspek sendiri, mengenali antara 'me' dan sendiri sebagai 'I'. Murphy membincangkan permulaan dan cara pengukuhan diri dan bagaimana manusia menyesuaikan dirinya dengan masyarakat. Raimy menggunakan pengukuran konsep sendiri dalam kaunseling dan temuduga sebagai psikoterapi.(Purkey, 1970)

Penentang teori tingkahlaku seperti Rogers pula menyatakan bahawa menekankan tentang sistem psikoterapi yang dipanggil ‘nondirective’. Menurut kajian ini sendiri sebagai pembentuk sahsiah Ia melihat sendiri sebagai konsep fenomenologikal(tanggapan sedar dialami oleh individu). Beliau menambah bahawa sendiri sebagai hasil sosial, terbentuk daripada pergaulan Beliau percaya dengan konsep bagaimana anggapan positif orang lain dan dirinya dan potensinya untuk mencapai sendiri sebenar. Pendekatan beliau ini yang dianggap ‘Teori sendiri’.

Combs dan Snygg telah memperkenalkan teori konsep sendiri dalam psikologi dan Pendidikan. Bagaimana tanggapan seseorang terhadap dirinya dan pengaruhnya ke atas tingkahlaku manusia. (Purkey, 1970)



Rajah 1: Lapangan Fenomenal(Burns, 1979)

Lapangan keseluruhan tanggapan yang termasuk semua tanggapan individu yang diwakili oleh bulatan besar(A). Tanggapan tentang dirinya sendiri(fenomena sendiri). C ialah konsep sendiri. Konsep sendiri ini adalah ciri yang sangat penting Selepas lebih satu dekad diabaikan,konsep sendiri mula mendapat perhatian. Manusia telah mula sedar bahawa dari semua tanggapan yang dialami semasa hidup tiada yang lebih penting daripada persepsi tentang diri sendiri. –konsep tentang siapa kita dan bagaimana kita menyesuaikan diri kita di dunia ini